

A. Pengenalan Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Kewangan (JPICT MOF)

1. Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Kewangan merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menimbang dan meluluskan permohonan kelulusan teknikal projek ICT daripada agensi-agensi Kementerian Kewangan bagi perolehan pembangunan sistem aplikasi, rangkaian, perkakasan, perisian, perkhidmatan ICT dan perkhidmatan pengkomputeran awan.
2. Projek-projek yang perlu dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan jawatankuasa ini adalah projek-projek ICT bagi agensi-agensi di bawah Kementerian Kewangan yang menggunakan peruntukan kerajaan persekutuan atau projek ICT yang dilaksanakan melalui kaedah *Private Finance Initiative* (PFI) / *Public-Private Patnership* (PPP).
3. Kelulusan teknikal projek ICT Sektor Awam merupakan prasyarat kepada permohonan kelulusan Peruntukan Pembangunan (DE), Peruntukan Mengurus (OE) atau projek ICT yang dilaksanakan melalui Kerjasama Awam Swasta (PPP) di bawah program Private Finance Initiative (PFI).
4. Semua permohonan hendaklah mendapat kelulusan JPICT di peringkat agensi terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada JPICT Kementerian Kewangan.
5. Permohonan projek ICT (berdasarkan had nilai tertentu) yang telah diluluskan melalui jawatankuasa ini seterusnya akan dikemukakan ke Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) yang bertempat di Jabatan Digital Negara (JDN).
6. Maklumat lanjut mengenai permohonan kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT boleh merujuk kepada :
 - a. Garis Panduan Tadbir Urus Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Kementerian Kewangan
 - b. Garis Panduan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13
 - c. Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT Bagi RMKe-13 (RP2) Tahun 2027
 - d. Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024 Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam.

B. Jadual Perancangan Mesyuarat JPICT Kementerian Kewangan

Tentatif jadual Mesyuarat JPICT MOF bagi tahun 2026 adalah seperti yang berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN SLAID PERMOHONAN	TARIKH MESYUARAT PRA JPICT MOF	TARIKH MESYUARAT JPICT MOF
1.	JPICT MOF Bil. 1/2026	2 Januari 2026 (Jumaat)	27 Januari 2026 (Selasa) 9.30 pagi	5 Februari 2026 (Khamis) 9.30 pagi
2	JPICT MOF Bil. 2/2026	31 Mac 2026 (Selasa)	14 April 2026 (Selasa) 9.30 pagi	24 April 2026 (Jumaat) 9.30 pagi
3.	JPICT MOF Bil. 3/2026	30 Jun 2026 (Selasa)	13 Julai 2026 (Isnin) 9.30 pagi	23 Julai 2026 (Khamis) 9.30 pagi
4.	JPICT MOF Bil. 4/2026	30 September 2026 (Rabu)	13 Oktober 2026 (Selasa) 9.30 pagi	23 Oktober 2026 (Jumaat) 9.30 pagi

Slaid permohonan yang lengkap boleh dihantar melalui e-mel kepada Urus Setia JPICT MOF (e-mel: jpictmof@mof.gov.my).

C. Jadual Mesyuarat JTISA JABATAN DIGITAL NEGARA (JDN)

Tentatif jadual Mesyuarat JTISA JDN bagi tahun 2026 adalah seperti yang berikut:

BIL.	PERKARA	CADANGAN TARIKH MESYUARAT JTISA
1.	JTISA Bil. 1/2026	23 Januari 2026 (Jumaat)
2.	JTISA Bil. 2/2026	20 Februari 2026 (Jumaat)
3.	JTISA Bil. 3/2026	21 April 2026 (Selasa)
4.	JTISA Bil. 4/2026	12 Mei 2026 (Selasa)
5.	JTISA Bil. 5/2026	23 Jun 2026 (Selasa)
6.	JTISA Bil. 6/2026	23 Julai 2026 (Khamis)

7.	JTISA Bil. 7/2026	22 September 2026 (Selasa)
8.	JTISA Bil. 8/2026	27 Oktober 2026 (Selasa)
9.	JTISA Bil. 9/2026	24 November 2026 (Selasa)
10.	JTISA Bil. 10/2026	14 Disember 2026 (Isnin)

D. Urus setia JPICT MOF / Pegawai yang boleh dihubungi

Bil	Nama Pegawai	Telefon	E-mel (@mof.gov.my)
1.	Encik Noorshahriman bin Ab Rahman KPSK(S)	03-8882 4711	shahriman.rahman
2.	Puan Aishah binti Othman KPS(S)3	03-8882 3627	aishah.othman
3.	Puan Nor Kamilah binti Nasrir PSK(S)1	03-8882 4760	kamilah.nasrir
4.	<i>Groupmail</i> JPICT MOF	-	jpictmof

E. Pelaporan yang perlu dihantar kepada JPICT MOF

Agensi perlu mengemukakan laporan kemajuan (*Post Implementation Review* [PIR]) kepada Urus Setia JPICT MOF pada setiap suku tahun serta mengemas kini status projek di dalam Sistem PROFIT (<https://profit.idn.gov.my/>) bagi semua projek yang telah diluluskan*.

** Kelulusan pada peringkat JPICT Agensi, JPICT MOF dan JTISA JDN*